

SR/C/01/03/2023

RABU, 1 MAC 2023

SABERKAS anjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan SABERKAS Prihatin Khas, sempena Sambutan Jubli Emas SABERKAS 2023

PAKAN, 1 Mac – SABERKAS dengan kerjasama Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Pakan (PDK Pakan) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan SABERKAS Prihatin Khas Sempena Sambutan Jubli Emas SABERKAS 2023 di sini, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sosial dan Kebajikan SABERKAS Negeri Sarawak merangkap Naib Presiden SABERKAS, Abang Abdul Aziz Abang Abdul Rauf berkata, SABERKAS tahun ini merancang penganjuran sebanyak 727 buah program melibatkan pelbagai peringkat bermula di peringkat negeri, cawangan termasuk di peringkat unit.

Menurutnya juga, penganjuran program itu akan memberi penekanan kepada tiga kluster utama program iaitu, sosial, rekreasi dan kebajikan, pendidikan, latihan dan kepimpinan serta ekonomi dan keusahawanan.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmiannya mewakili Menteri Pelancongan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Menteri Belia Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak merangkap Presiden SABERKAS Negeri Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah.

Sementara itu, majlis tersebut dihadiri oleh 80 orang peserta yang terdiri daripada pelatih PDK yang berdaftar di PDK Pakan, wakil agensi serta

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat.-
TAMAT-

Laporan dan foto: Boniface Watt Su / Abg Haffali Abg Mohd Nor (JaPen Pakan)

Gambar PENERANGAN menunjukkan:



P1 - Ucapan perasmian oleh Abang Abdul Aziz Abang Abdul Rauf.



P2 – Tetamu dan peserta yang hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan SABERKAS Prihatin Khas Sempena Sambutan Jubli Emas SABERKAS 2023 di sini.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my



P3 – Suasana sebelum ketibaan tetamu jemputan di PDK Pakan.